



13 JUN, 2024

JKDM gagalkan cubaan seludup arak RM2.7j

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



JKDM gagalkan cubaan seludup arak RM2.7j

Kota Kinabalu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah sekali lagi menumpaskan sindiket penyeludupan minuman keras dengan merampas enam kontena berisi barang tidak bercukai itu dianggarkan bernilai lebih RM2.7 juta.

Rampasan dilakukan Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu, selepas cuba diseludup masuk melalui Pelabuhan Sepanggar, di sini, jam 9 pagi,

10 Mei lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, hasil maklumat, pihaknya memeriksa 20 kontena.

“Pemeriksaan terhadap semua konten itu menemukan enam daripada berisi minuman keras yang disyaki coba di-

seludup ke negara ini.

“Siasatan mendapati, penyeludup masih menggunakan taktik sama iaitu membuat pengiklanan yang tidak betul dengan memalsukan maklumat pada dokumen sebelum menyeludupnya,” katanya pada sidang media di Wisma Penguatkuasaan Sepanggar, di sini, semalam.

Mohd Nasir berkata, antara pengikraran barangan yang dinyatakan termasuk perabot, pakaian serta perkakasan.

Kes diasiasat mengikut Seksyen 52 dan 135 (1) (d) Akta Kastam 1967, sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai barang atau RM100,000 dan tidak lebih daripada 20 kali ganda nilai barang atau RM500,000, mengikut mana yang lebih besar.

**Penyeludup
palsukan maklumat
pada dokumen**



13 JUN, 2024

JKDM gagalkan cubaan seludup arak RM2.7j

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Kinabalu: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah sekali lagi menumpaskan sindiket penyeludupan minuman keras dengan merampas enam kontena berisi barang tidak bercukai itu dianggarkan bernilai lebih RM2.7 juta. Rampasan dilakukan Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu, selepas cuba diseludup masuk melalui Pelabuhan Sepanggar, di sini, jam 9 pagi,10 Mei lalu.